
**JENAYAH CURI IDENTITI SECARA ELEKTRONIK: KAJIAN PERBANDINGAN
FIQH DENGAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Nurzakiah Haji Ramlee

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA, Brunei Darussalam

Email: nurzakiah.ramlee@unissa.edu.bn

ABSTRAK

Hak privasi individu seperti data peribadi dilindungi oleh undang-undang dalam perundangan negara seluruh dunia. Kecanggihan teknologi maklumat membolehkan data peribadi seseorang itu disimpan di dalam cakera keras dalaman di dalam komputer agar dapat diakses oleh mana-mana pihak yang berkepentingan bagi tujuan mengekstrak data tersebut apabila diperlukan. Apabila kecanggihan teknologi maklumat bekerjasama dengan rangkaian internet yang pantas data peribadi seseorang terdedah kepada aktiviti pencerobohan siber yang terlarang dari segi undang-undang. Oleh itu terdapat keperluan untuk menutup kelonggan terhadap undang-undang bagi melindungi data peribadi seseorang serta kerahsiaannya daripada dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah menggubal Akta Rahsia Rasmi (Penggagal 153) 2010 yang sedikit sebanyak membantu dalam menyelesaikan jenayah curi identiti secara elektronik ini. Kajian ini mengupas hubungkait peruntukan undang-undang di bawah Akta Rahsia Rasmi (Penggagal 153) 2010 dengan undang-undang jenayah Islam boleh diguna pakai dalam menerbitkan hukum kepada permasalahan jenayah berbentuk maya ini. Metodologi kajian adalah secara kualitatif deskriptif mengguna pakai teknik analisa dokumen. Analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data primer iaitu buku-buku berkaitan dengan jenayah siber ini begitu juga data sekunder terutama penulisan dan artikel. Kajian ini juga turut mengguna pakai reka bentuk analisis kandungan dengan merujuk Akta Kesalahan Jenayah Negara Brunei Darussalam yang berkaitan. Dalam menghadapi realiti kecanggihan teknologi ini undang-undang jenayah Syariah yang cukup berkesan amat diperlukan sebagai jalan penyelesaian permasalahan jenayah curi identiti berbentuk maya ini.

Kata Kunci: *jenayah, curi identiti, fiqh, undang-undang.*

PENDAHULUAN

Jenayah curi identiti secara elektronik adalah dan masih menjadi ancaman besar terhadap keselamatan secara atas talian. Para pengguna apa jua perkhidmatan secara atas talian secara literalnya terdedah kepada penjenayah siber yang sentiasa mengambil peluang untuk melaksanakan aktiviti pencerobohan siber yang terlarang dari segi undang-undang. Akan tetapi seluruh pihak berkuasa di seluruh dunia sentiasa mengambil langkah berwaspada supaya para pengguna perkhidmatan atas talian tidak akan menjadi mangsa penjenayah siber terutama sekali data peribadi mereka. Kebergantungan para pengguna terhadap teknologi ini membuka ruang kepada berlakunya jenayah secara atas talian seperti pemalsuan data, penipuan atas talian, penggodaman sistem dan sebagainya (Anita Abdul Rahim *et al.*, 2004)

Akses terhadap maklumat di hujung jari merupakan antara perkara yang menjadi penyebab wujudnya jenayah dalam norma baharu apabila jenayah tidak lagi dilakukan secara konvensional yang memerlukan pelakunya berada ditempat kejadian, namun cukup sekadar pelakunya berlindung dibalik sesuatu teknologi dalam melaksanakan tindakan jenayahnya. Begitu juga

dengan jenayah curi identiti secara elektronik. Penjenayah ini mengambil seterusnya menakluki data peribadi seseorang melalui cara yang menyalahi undang-undang bertujuan untuk melaksanakan aktiviti pencerobohan siber tanpa kebenaran seperti melakukan penipuan atau mencuri wang dari akaun pelanggan kepada akaun penjenayah, pemalsuan kata laluan, menceroboh sistem komputer orang lain tanpa izin lain-lain lagi.

DEFINISI IDENTITI

Tidak terdapat definisi identiti dalam perundangan di Brunei Darussalam secara langsung. Definisi identiti dalam konteks perundangan Brunei Darussalam dalam bentuk gabungan dua perkataan; yang mana para pengamal undang-undang Brunei Darussalam merujuk konteks identiti kepada kad pengenalan setiap penduduk Brunei Darussalam. Takrif kad pengenalan dalam Perintah Pendaftaran Kebangsaan, Brunei Darussalam dalam bab 2 “suatu kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini” (Perintah Pendaftaran Kebangsaan (Pindaan), 2000)

Berdasarkan takrif di atas, pengamal undang-undang Brunei Darussalam menetapkan setiap kad pengenalan penduduk Brunei Darussalam haruslah mengandungi maklumat-maklumat penting iaitu nama penuh, tarikh lahir, alamat tempat tinggal, bangsa, gambar pemilik kad pengenalan dan tarikh dikeluarkan dan mansuh. (Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kebangsaan (Pindaan) 2000).

AKTA RAHSIA RASMI DAN JENAYAH CURI IDENTITI SECARA ELEKTRONIK

Akta Rahsia Rasmi, Penggal 153 2010 digubal bertujuan sebagai tindakan untuk menjaga apa jua maklumat bersifat rasmi khususnya maklumat kerajaan. Akta ini mengandungi 20 bab dengan 2 bab mengenai kesalahan curi identiti secara elektronik yang boleh disabitkan di bawah akta ini. Akta ini mula berkuatkuasa pada 2 Disember 1940.

Akta Rahsia Rasmi 2010 ini menggariskan bentuk kesalahan curi identiti secara elektronik yang oleh disabitkan di bawah bab akta ini. Elemen-elemen yang merupakan syarat bagi pensabitan kesalahan adalah bersesuaian dengan sifat jenayah komputer itu sendiri. Dengan adanya akta sebegini, dapat sedikit sebanyak menyelesaikan masalah jenayah curi identiti secara elektronik.

KESALAHAN CAPAIAN TANPA KUASA TERHADAP IDENTITI INDIVIDU

Bagi kesalahan capaian tanpa kuasa kepada identiti individu, bab ini menghendaki tiga elemen dipenuhi, iaitu pertama, dia memiliki atau mengawal apa-apa rahsia perkataan kod rasmi, kata laluan, atau mana-mana gambar, lukisan, pelan, model, artikel, nota, dokumen atau maklumat yang sebagaimana yang diamanahkan kepadanya secara yakin oleh mana-mana orang yang memegang jawatan di sektor kerajaan, atau dia telah memperoleh, atau dia mempunyai akses, kerana memegang suatu jawatan di jabatan kerajaan, atau sebagai orang yang diamanahkan untuk menyimpan kontrak yang dibuat bagi pihak kerajaan Brunei Darussalam (Akta Rahsia Rasmi 2010, bab 5). Bagi elemen ini, sebelum seseorang penjenayah itu boleh disabitkan kesalahan, perlu dibuktikan dahulu beliau telah memiliki data yang tersebut di atas atau mengawalnya ketika dia sendirinya tidak berhak untuk melakukan sedemikian atau gagal mematuhi apa jua arahan pihak kerajaan mengenainya seperti pemulangan dan pelupusan. Ini bermakna seseorang itu boleh disabitkan kesalahan di bawah bab ini sekiranya orang yang melakukan capaian kepada data yang tertentu sememang pada asalnya tidak mempunyai hak capaian atas data tersebut.

Penjenayah yang melakukan kesalahan di bawah bab ini apabila disabitkan kesalahan di mahkamah Majistret dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Kedua, capaian yang dilakukan itu adalah tanpa kuasa. Menurut Akta (Akta Rahsia Rasmi 2010, bab 6(1)) seseorang itu melakukan capaian tanpa kuasa menyamar sebagai seorang atau wakilnya yang mana dokumen rasmi atau kod rahsia rasmi, tanda balas atau kata laluan disampaikan kepadanya. Ini bermakna kesalahan ini boleh berlaku sekiranya orang yang melakukan capaian kuasa terhadap apa jua perkara rasmi yang di bawah kawalan pihak kerajaan sememangnya pada asalnya tidak mempunyai hak capaian ke atas perkara rasmi tersebut. Sebagai contoh, A menyamar sebagai seorang pegawai Pusat Kebangsaan E-Kerajaan untuk mendapatkan kata laluan rasmi kerajaan.

Elemen ketiga, ialah seseorang itu menggunakan tanpa kuasa jabatan kerajaan atau pihak berkuasa yang berkenaan sebarang peranti rasmi kepunyaan kepada mana-mana jabatan kerajaan atau pihak berkuasa diplomatik. Kesalahan bab ini hanya boleh disabitkan jika penjenayah mengetahui perbuatan capaian yang beliau lakukan adalah tanpa kebenaran atau tanpa kuasa.

Penjenayah yang melakukan kesalahan di bawah bab ini apabila disabitkan kesalahan di mahkamah Majistret dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

KANUN HUKUMAN JENAYAH DAN JENAYAH CURI WANG SECARA ELEKTRONIK

Kanun Hukuman Jenayah merupakan undang-undang yang mentadbir kesalahan-kesalahan jenayah yang berlaku di Brunei Darussalam. Bab 379 (Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22) Brunei Darussalam diguna pakai bagi menyelesaikan kecurian wang secara elektronik (Kes *PP vs Pathmanathan Jegan* [2013]). Elemen penting yang menimbulkan masalah bagi penggunaan peruntukan ini ialah kesalahan ini perlu melibatkan apa-apa harta yang boleh di alih dan syarat, menggerakkan harta itu dengan tujuan hendak mengambilnya. Menurut keputusan hakim bagi kes di atas, pesalah dalam kes tersebut dikenakan hukuman curi mengikut bab 379 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 disebabkan berlakunya pengeluaran wang tunai kepunyaan salah seorang pelanggan bank melalui mesin juruwang automatik (ATM). Dengan berlakunya pengeluaran wang tersebut menandakan adanya aktiviti menggerakkan wang tersebut dengan tujuan hendak mengambilnya. Pesalah tersebut juga dalam masa yang sama dikenakan hukuman akses kepada data yang disimpan dalam suatu komputer (mesin juruwang automatik) dengan niat untuk melakukan kesalahan pengeluaran harta (wang ringgit) kepunyaan seorang pelanggan bank mengikut bab 4(1) Perintah Penyalahgunaan Komputer 2000 Brunei Darussalam.

Penjenayah yang melakukan kesalahan di bawah bab 379 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 boleh apabila sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun, suatu denda atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi yang melakukan kesalahan di bawah bab 4(1) Perintah Penyalahgunaan Komputer 2000 boleh dihukum penjara apabila sabit kesalahan selama suatu tempoh yang tidak kurang dari dua tahun.

JENAYAH CURI IDENTITI SECARA ELEKTRONIK MENURUT FIQH ISLAM

Sebagai mekansime untuk membentaras kezaliman dan penindasan hak orang lain, dengan rahmat Allah Subhanahu wa Ta'aala wujudnya undang-undang yang adil lagi saksama tanpa ada bantahan mengenainya. Undang-undang ini direalisasikan melalui pelaksanaan hukuman mengikut ketetapan syarak yang mana diklasifikasikan kepada dua bahagian, yang pertama, adalah hukuman yang ditetapkan kadarnya iaitu *hudud* dan *Qisas* dan yang kedua yang tidak ditetapkan kadar dan caranya iaitu *Ta'zir* (Rosli Mokhtar *et al.* (2008).

Kesalahan mencuri yang dikenakan hukuman potong tangan telah dinaskan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala berdasarkan ayat 38 dari surah al-Maidah yang tafsirnya:

“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) satu hukuman pencegah daripada Allah”.

Kaedah mencuri pada era teknologi masa kini adalah lebih canggih iaitu dengan menggunakan komputer sebagai alatnya berbanding dengan kaedah secara tradisional iaitu mengambil barang orang lain dengan cara bersembunyi-sembunyi. Mencuri di dalam komputer lazimnya mencuri maklumat yang ada di dalam komputer dengan memasukkan maklumat itu ke dalam miliknya tanpa keizinan pemilik maklumat tersebut. Terdapat peruntukan di dalam Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 Brunei yang mempunyai hubung kait dengan undang-undang jenayah Islam terutamanya yang terlibat jenayah mencuri yang merupakan salah satu kesalahan *hudud* dalam perundangan Islam. Namun begitu, persoalan utama ialah adakah jenayah mencuri di dalam Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 Brunei Darussalam ini boleh disamakan dengan kesalahan mencuri di dalam jenayah *hudud* Islam. Adakah hukuman mencuri di dalam Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 Brunei Darussalam boleh disamakan hukuman jenayah *sariqah* (mencuri) di dalam perundangan Islam?

Para jumhur ulama telah memberikan pelbagai definisi mencuri dalam kitab-kitab fiqh Islam (Ibn Nujaim, (t.t), Ibn Abd al-Barr, (1980), Ibn Hajar al-Haytimi, (2017), Abdruhaman al-Muqaddisi, (t.t). Daripada definisi sebagaimana yang dibincangkan oleh para jumhur ulama di dalam kitab-kitab fiqh Islam yang dinyatakan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa jenayah mencuri di dalam undang-undang Islam terdapat lima elemen yang utama iaitu:

1. Mengambil harta secara bersembunyi-sembunyi.
2. Harta yang dicuri tersebut adalah milik orang lain.
3. Telah sampai kadar *nisab*.
4. Harta yang dicuri hendaklah disimpan di dalam tempat yang dianggap sebagai *hirz*.
5. Tidak ada unsur-unsur syubhah. Maka contohnya jika sekiranya seorang isteri mencuri harta yang dimiliki oleh suaminya tidak akan dikenakan hukuman *hadd*.

Apabila seseorang mengambil harta benda yang bukan miliknya secara diam-diam dianggap sebagai jenayah curi. Kaedah pengambilan harta yang dianggap sebagai jenayah curi dikehendaki berlaku dalam bentuk yang sempurna. Perbuatan mengeluarkan harta berkenaan dari milik tuannya dianggap berlaku apabila selesai sesuatu perbuatan mengeluarkan harta itu dari tempat simpanan (*hirz*). (Abdul Kadir Audah, 1964). Islam menetapkan syarat-syarat tertentu barang yang dicuri itu dianggap harta. Syarat pertama pada harta itu mestilah boleh dipindahkan iaitu mengambil harta tersebut. Maksud mengambil ialah dengan mengeluarkan harta yang dicuri dari *hijaz* (milik dan pengawasan) pemilik dan memasukkan ke dalam *hijaz* penjenayah. Syarat kedua mengenai harta mestilah harta itu bernilai di sisi undang-undang Islam. Syarat ketiga, harta tersebut mestilah berada pada tempat simpanannya yang sesuai (*hirz mithlib*) ketika harta tersebut dicuri.

Dalam jenayah mencuri yang melibatkan komputer jika komputer tersebut dijaga dengan baik, dilengkapi dengan sistem keselamatan seperti keperluan memasukkan kad khas berserta kata laluan untuk menggunakan komputer tersebut, sesuatu maklumat di dalam komputer tersebut tidak boleh diakses walaupun melalui talian internet dari komputer lain, maka sesuatu komputer itu dianggap *hirz* dan mereka yang mencuri maklumat atau harta berharga boleh dikenakan hukuman potong tangan. Contohnya seseorang mencuri wang secara elektronik yang bukan miliknya menggunakan

mesin juruwang automatik boleh dikenakan hukuman potong tangan kerana mesin juruwang automatik dianggap sebagai *hirz mithlib*.

Syarat harta yang dicuri mestilah harta yang mencukupi kadar *nisab* untuk dipotong tangan. Undang-undang jenayah Islam menetapkan kadar yang minima yang tertentu yang membolehkan seseorang pencuri itu dipotong tangannya. Antara hadith yang menunjukkan kadar nisab yang minima ialah hadith yang berbunyi:

Daripada Aisyah r.a. Rasullullah Sallallahu Alaihi wa Sallam bersabda: “Tidak dipotong tangan pencuri (yang mencuri harta) melainkan pada ¼ dinar ke atas” (Hadith Sahih, al-Bukhari).

Sebagai kesimpulannya, apa sahaja yang dimiliki oleh seseorang dan ia dapat dipindahkan daripada satu tempat ke satu tempat lain, maka ia menjadi satu perbuatan mencuri yang dikenakan hukuman potong tangan (*budud*) kepada sesiapa yang mencurinya. Lantaran itu mencuri dengan menggunakan komputer harus menjadi barang curian kerana memiliki dan menguasainya merupakan satu perkara yang mungkin berlaku sekarang ini khususnya yang dapat dilihat dalam bentuk yang material.

Perbuatan mengeluarkan apa jua barang dari milik tuannya juga berlaku apabila harta yang dicuri dianggap telah dikeluarkan daripada milik tuannya meskipun harta tersebut masih di tempat simpanan (Abdul Kadir Audah, 1964). Hal ini boleh berlaku apabila sesuatu data itu dikeluarkan atau disalin seperti data peribadi seseorang tanpa mengubah data-data yang asal dalam komputer dengan tidak merosakkan komputer tersebut.

Oleh kerana undang-undang Islam berkenaan dengan mencuri mensyaratkan *hirz*, maka mencuri identiti orang lain secara elektronik adalah termasuk juga dalam kesalahan mencuri dalam undang-undang jenayah Islam tetapi tidak sampai dikenakan hukuman potong tangan (*budud*). Sebagai contoh apabila seseorang masuk ke dalam sebuah tempat, mengambil dan merosakkan barang-barang di dalamnya, maka ia dinamakan *al-Ghasb* yang hanya dikenakan hukuman Ta'zir. Dalam konteks jenayah curi identiti orang lain secara elektronik, perbuatan ini boleh berlaku apabila penjenayah mengakses cakera keras dalaman di dalam komputer orang tertentu yang dihubungkan dengan rangkaian internet, atau mel elektronik, tanpa izin pemilik komputer atau mel elektronik bertujuan untuk mengerluarkan atau menyalin data peribadi orang tertentu tersebut. Dalam syariat Islam, hukuman potong tangan (*budud*) dikenakan apabila kesemua syarat lain yang disebutkan di atas dipenuhi. Jika syarat-syarat tersebut tidak dapat dipenuhi maka, hukuman potong tangan (*budud*) ditukarkan kepada hukuman Ta'zir (lihat: Tahir Mahmood *et al.* (1996).

Jarimah *al-Ghasb* hukumnya adalah haram berdasarkan firman Allah Subhanahu wa Ta'aala dalam surah al-Nisaa ayat 29 yang ertinya:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu...”.

Ayat di atas menerangkan mengenai larangan Allah Subhanahu wa Ta'aala kepada sekalian umat Islam supaya tidak mengambil harta orang lain dengan cara yang diharamkan oleh syariat, seperti riba, judi dan menipu. Menurut Ibn Kathir (Ibn Kathir, 1999), ayat ini menunjukkan hukum mengambil harta orang lain dengan cara yang bertentangan dengan hukum syarak adalah haram, maka perbuatan sebegini dikira sebagai pelanggaran hak dan *al-Ghasb* salah satu perbuatan pelanggaran hak.

Rasullullah Sallallahu Alaihi wa Sallam juga melarang perbuatan mengambil harta orang lain. Rasullullah Sallallahu Alaihi wa Sallam bersabda:

“Sesungguhnya darahmu, hartamu dan kehormatanmu terpelihara antara sesame kamu sebagaimana terpeliharanya hari ini, bulan ini dan negerimu ini” (Hadith Sahih, al-Bukhari).

Berdasarkan kepada dalil ke atas pengharaman *al-Ghasb* di atas, perbuatan tersebut mempunyai elemen kesalahan mengambil harta atau tidak berhak mencapainya. Sebagai contoh sepertimana yang disebut oleh para jumur ulama (al-Khursyi, t.t, al-Nawawi, 2013, Ibn Qudamah, 1985, al-Kasani 2005), menunggang binatang kepunyaan orang lain tanpa izin pemiliknya, maka perbuatan ini menggambarkan perbuatan *al-Ghasib* (Al-Ghasib: orang yang melakukan perbuatan *al-Ghasb*) menggunakan harta orang lain untuk tujuan peribadi. Berpandukan kepada contoh yang dijelaskan oleh para jumur ulama tersebut, maka perbuatan mencuri identiti orang lain secara elektronik dianggap perbuatan *al-Ghasb* dan *al-Ghasb* adalah haram. Dengan itu penjenayah yang melakukan perbuatan mencuri identiti orang lain secara elektronik adalah termasuk dalam hukum *al-Ghasib* dan boleh dikenakan hukuman *Ta'zir*.

ANASIR PERBANDINGAN JENAYAH CURI IDENTITI SECARA ELEKTRONIK FIQH ISLAM DENGAN UNDANG-UNDANG BRUNEI DARUSSALAM

Berdasarkan hukum jenayah mencuri identiti secara elektronik di atas, undang-undang Islam dengan jelas mengharamkan perbuatan ini, iaitu mengakses cakera keras dalaman di dalam komputer orang tertentu yang dihubungkan dengan rangkaian internet, atau mel elektronik, tanpa izin pemilik komputer atau mel elektronik bertujuan untuk mengeluarkan atau menyalin data peribadi orang tertentu tersebut.

Jenayah curi identiti secara elektronik juga dianggap sebagai suatu jenayah yang sangat merbahaya di sisi undang-undang Brunei Darussalam yang boleh dikenakan hukuman ke atas pelakunya, maka terjadi kesepakatan dari sudut hukum mengharamkan jenayah mencuri identiti secara elektronik. Pensabitan jenayah capaian tanpa kuasa terhadap identiti orang lain secara elektronik seperti kata laluan yang dimiliki oleh orang lain mengikut Akta Rahsia Rasmi 2010 Brunei Darussalam boleh disamakan dengan jarimah *al-Ghasb* di dalam undang-undang Islam iaitu boleh dikenakan hukuman *Ta'zir*.

Pensabitan jenayah mencuri wang secara elektronik sepertimana yang dijelaskan senarionya di atas mengikut Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 Brunei Darussalam boleh disamakan dengan kesalahan mencuri di dalam undang-undang jenayah Islam iaitu hukuman jenayah *sariqah* seperti mana yang telah dinaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

RUMUSAN

Undang-undang Islam memelihara keselamatan dan ketenteraman masyarakat, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkar. Berdasarkan ketetapan hukuman yang dijatuhkan kepada setiap pesalah setelah sabit kesalahan, akan menjurus kepada tujuan tidak lain tidak bukan untuk menegakkan keadilan. Walaupun kaedah jenayah curi pada masa kini berasaskan komputer sebagai mediumnya, tetap sahaja individu yang bertanggungjawab melaksanakan kesalahan tersebut akan dihukum sesuai dengan elemen kesalahan yang dilakukan. Bagi kesalahan-kesalahan yang berpaksikan komputer di Brunei Darussalam masih terpulang kepada keputusan hakim untuk mengadakan undang-undang bersama dengan hukumannya kerana ia selari dengan prinsip hukum *Ta'zir* dalam perundangan Islam. Kesalahan-kesalahan ini lebih banyak menyentuh kesalahan-kesalahan *Ta'zir* yang tiada peruntukan hukuman yang khusus yang dinaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah kerana peruntukan-peruntukannya menyentuh kepentingan individu dan masyarakat di Brunei Darussalam seperti kesalahan akses tanpa kebenaran kepada bahan

komputer, akses dengan niat untuk melakukan atau memudahkan berlakunya kesalahan, pengubahsuaian bahan komputer tanpa kebenaran dan pendedahan kod akses tanpa kebenaran.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ibn Abd al-Barr, Yusuf bin Abdullah. (1980), *al-Kafi fi Fiqh Ahli al-Madinah*. (Peny: Muhammad Muhammad Ahyad). Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah. Jilid 2. Hlmn 1079-1080.

Abdul Kadir Audah. (1964). *Al-Tasyri' al-Jinaiy al-Islami*. Beirut: Maktabah Muassassah. Jilid 2. Hlmn 518.

Abdurrahman al-Muqaddisi, Abdurrahman bin Muhammad bin Ahmad bin Qudamah. (t.t). *al-Syarh al-Kabir Ala Matn al-Muqna'*. T.p: Dar al-Kutub al-Arabi. Jilid 10. Hlmn 239.

Anita Abdul Rahim & Nazura Abdul Manap, *Jenayah Berkaitan Dengan Komputer: Perspektif Undang-Undang Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2004, hlm 55.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (2014). *Sahih al-Bukhari*. (Peny: Izz al-Din Dhali *et al.*). Beirut: Muassassat al-Risalah. Jilid 1. Hlmn 532. No. Hadith: 1739.

Ibn Hajar al-Haytimi, Syihabuddin Abi al-Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ali. (2017). *Tuhfah al-Mubtaj bi Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Jilid 4. Hlmn 132.

Al-Kasani, Abu Bakar bin Mas'ud (2005). *Badai' al-Sanai' Fi Tartib al-Syarai'*. (Peny: Dr Muhammad Muhammad Tamir). Kaherah: Dar al-Hadith. Jilid 10. Hlmn 15.

Ibn Kathir, Ismail bin Umar bin Kathir (1999). *Tafsir al-Quran al-Karim*. (Peny: Muhammad Hussain Shams al-Din). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Jilid 1. Hlmn 385.

Al-Khursyi, Muhammad bin Abdullah (t.t). *Syarh Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 6. Hlmn 131.

Al-Nawawi, Yahya bin Sharf (2013). *Minhaj al-Talibin wa Umdat al-Muftin*. (Peny: Abd al-Razzaq Shuhud al-Najmah). T.p. Jilid 5. Hlmn 8.

Ibn Nujaim, Zainuddin bin Ibrahim bin Muhammad. (2015). *Al-Babr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. Jilid 5. hlmn 54.

Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad (1985). *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 5. Hlmn 203.

Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain. (2008). *Undang-Undang Jenayah Islam*. Malaysia: Jahabersa.

Tahir Mahmood *et al.* (1996). *Criminal Law in Islam and the Muslim World a Comparative Perspective*. New Delhi: Institute of Objective Studies. Hlmn 179.

Rujukan kes:

Kes *PP vs Pathmanathan Jegan* [2013]

Senarai statut:

Akta Rahsia Rasmi 2010, Brunei Darussalam.

Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, Brunei Darussalam.

Perintah Penyalahgunaan Komputer 2000, Brunei Darussalam.

Perintah Pendaftaran Kebangsaan (Pindaan), 2000, Brunei Darussalam.